



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

KEPIMPINAN YANG DIBERKATI

Tarikh Dibaca:

**10 JAMADILAWAL 1445H /
24 NOVEMBER 2023**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقَةُ كَمَا جَاءَهُ إِسْلَامًا مَلِيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

KEPIMPINAN YANG DIBERKATI

24 NOVEMBER 2023 / 10 JAMADILAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ

فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

(سورة النساء)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Kepimpinan Yang Diberkati**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan, kesabaran dan kemenangan buat penduduk Palestin dalam menghadapi kekejaman dan penindasan Rejim Zionis Israel. Bantulah mereka dengan apa-apa jua cara yang termampu dan janganlah kita biarkan mereka bersendirian menghadapi ujian yang sangat berat itu. Teruslah berdoa dan bermunajat kepada Allah SWT agar Allah SWT membantu mereka dan Bumi Palestin kembali merdeka. *Insyaa-Allah*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam amat menitikberatkan kehidupan manusia dalam segala aspek kehidupan termasuklah dalam bidang pemerintahan dan kenegaraan. Begitu banyak dalil sama ada dari al-Quran, hadis, dan ijmak para ulama yang membahaskan soal ini secara terperinci. Rasulullah SAW yang mulia juga telah menunjukkan suri teladan sebagai seorang pemimpin dalam menerajui Negara Islam Madinah yang terbina dari kebijaksanaan Baginda dan kesempurnaan Islam sebagai teras utama pemerintahan.

Dalam rangka membina sebuah negara yang diberkati, beberapa aspek perlu menjadi penekanan oleh segenap peringkat masyarakat bermula dari peringkat pemimpin sehinggalah kepada rakyat yang dipimpin keseluruhannya.

Islam membahaskan dengan teliti konsep pemerintahan dan kenegaraan. Dalam isu ini, khatib ingin memetik beberapa inti pati dari Kitab *Munyatul Musolli* karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatoni yang ada menyelitkan suatu bab disebut *Tatmim al-Fa-idah* yang menyentuh perihal pemimpin, falsafah keadilan dan yang berkaitan dengan kepemimpinan. Antaranya;

1. Seseorang pemimpin yang diberi amanah dan menjalankan amanahnya untuk memelihara kesejahteraan rakyatnya, maka dicurahkan rahmat oleh Allah SWT kepadanya.
2. Pemimpin yang diberikan kedudukan dan kekuasaan untuk memelihara rakyatnya, tetapi culas dan gagal menasihati rakyatnya, serta tidak mensejahterakan

negerinya akan dihukumkan oleh Allah SWT dengan dimasukkan ke dalam neraka dan tidak dimasukkan ke dalam syurga.

3. Menjadi kemestian bagi rakyat untuk menghormati pemimpin sebagaimana selayaknya kerana ketinggian martabat pemimpin di sisi Allah SWT sekiranya mereka memimpin dengan keadilan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisaa ayat 59 yang dibacakan pada awal khutbah tadi bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu”.

4. Allah SWT adalah Raja bagi segala raja. Dengan keagungan dan kekuasaan yang dimiliki-Nya, maka Allah SWT berhak mengurniakan rahmat bagi pemimpin yang taat dan menurunkan seksa bagi pemimpin yang melakukan maksiat dan kecurangan. Firman Allah SWT dalam Surah Saad ayat 26:

يَدَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيفَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُم بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ

فَيُضِلَّكَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا

يَوْمَ الْحِسَابِ ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal, disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu”.*

5. Rasulullah SAW turut berpesan kepada sahabat-sahabat Baginda agar tidak meminta-minta jawatan kerana pertanggungjawaban yang sangat berat di hari akhirat kelak.

6. Para *Wazir* atau Menteri diibaratkan seperti pintu bagi sebuah kota. Oleh itu, seorang pemimpin mestilah bijaksana dalam memilih orang-orang kepercayaannya, yang taat dalam beragama, jujur dan amanah, bersifat adil dan berbelas kasih kepada orang lain terutamanya rakyat. Orang kepercayaan dan penggerak agenda kepimpinan merupakan cermin kepada pemimpin itu sendiri.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Karakter seorang pemimpin sangat berkait rapat dengan karakter para rakyatnya. Jika rakyatnya baik, maka pemimpin juga baik. Begitu juga sebaliknya. Oleh sebab itu, sangat penting bagi kedua-dua belah pihak – yakni pemimpin dan rakyat – saling mendoakan kebaikan antara satu sama lain dalam mewujudkan kitaran hubungan yang positif antara semua warganegara. Dari Abdul Samad bin Yazid al-Baghdadi, beliau berkata bahawa beliau pernah mendengar Fudhail bin ‘Iyadh berkata: *“Seandainya aku memiliki doa yang mustajab, aku akan tujukan doa tersebut pada pemimpinku”*. Ada yang bertanya kepada Fudhail, *“Kenapa begitu?”* Beliau menjawab, *“Jika aku tujukan doa tersebut pada diriku sahaja, maka ia hanya bermanfaat untukku. Namun jika aku tujukan untuk pemimpinku, maka rakyat dan negara akan menjadi baik (menerima manfaatnya)”*.

Syeikh Daud al-Fatoni turut menyelitkan sebuah kisah para pemimpin yang adil pada zaman dahulu yang menyediakan tiga halaman mesej-mesej peringatan dan dititipkan kepada para Menterinya untuk mengingatkan mereka sekiranya pemerintahannya menuju kezaliman. Antara mesejnya ialah;

Pertama: Bahawa pemimpin bukanlah Tuhan dan apabila sampai ajalnya tetap akan menjadi debu.

Kedua: Pemimpin yang menunjukkan rahmah belas kasihan di dunia, nanti di akhirat akan menerima balasan kebaikan yang setimpal.

Ketiga: Tugas pemimpin ialah untuk menegakkan hukum Allah SWT dan keadilan tanpa sebarang keraguan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Islam mengajarkan agar umatnya bantu menegur saudaranya dengan berhikmah. Hal ini kerana fitrah keterbatasan manusia memungkinkan kesilapan. Justeru, tugas kita untuk menasihati saudara Muslim termasuk pemerintah, namun dengan *qawlan layyina* yakni

kata-kata yang santun. Harus kita contohi akhlak baginda Nabi Muhammad SAW yang menjauhi perkataan nista dan mengadu domba.

Tidak dinafikan bahawa dalam kalangan manusia ini wujudnya perbezaan pandangan dan pendapat kerana ia merupakan *sunnatullah*. Namun di sana, pasti ada titik persamaan yang boleh mempertemukan seluruh rakyat sama ada di peringkat pemimpin mahupun dalam kalangan rakyat untuk diperkukuhkan bersama-sama. Segala bentuk perselisihan dan perbezaan yang remeh perlulah ditanggapi dengan penuh hikmah dan bijaksana agar ia tidak menjadi duri dalam daging kepada perpaduan dan kesatuan rakyat di negara ini. Maka berusahalah untuk mencari titik persamaan tersebut supaya dengannya kita dapat membina sebuah negara yang kukuh dan mampan serta berjalan dengan sistem keadilan yang selayaknya. Para ulama mestilah perlu bergandingan dengan para *umara* (pemerintah) dalam memberi nasihat dan bimbingan memerintah negara berlandaskan batas hukum yang telah ditetapkan syara'. Akhirnya, dengan itu, negara dan kepimpinannya akan terus diberkati Allah SWT dan menjemput rahmat dan limpah kurniaan dari Allah SWT ke atas seluruh rakyat dan negara. *Insyaa-Allah*.

Justeru, renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 55:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ

الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّن بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا

يَعْبُدُونِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Maksudnya: “Allah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah-khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

أَحْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةِ وَالسَّلَامِ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدِوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَنْدَرِيْهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،
تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya hanya kepada Engkau kami merayu memohon pertolongan. Ampunilah dosa seluruh kaum Muslimin. Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum Muslimin yang ditindas di Palestin dan di mana-mana sahaja mereka berada. Ya Allah! Kasihanilah mereka yang selama ini menjadi mangsa kekejaman Zionis Israel. Keluarkan mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengarlah doa dan suara kami ini. Sesungguhnya kami tidak sanggup lagi melihat saudara-saudara kami dibunuh dan diperlakukan dengan kejam oleh Zionis Israel. Satukanlah hati seluruh umat Islam di dunia untuk memerangi kekejaman dan kezaliman Zionis Israel. Hapuskanlah segala kezaliman yang ada di muka bumi ini. Kurniakanlah kekuatan dan kemenangan kepada saudara-saudara kami kaum Muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan, kesabaran serta kemenangan menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kembalikanlah Bumi Palestin ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كَلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ! إِهْزِمِهِمْ! وَانصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ﴾

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.